

02/08/1999

Emos yakin keluar 15,000 Jaguh setahun

L C Fang

EDARAN Modenas Sdn Bhd (Emos), pengeluar motosikal nasional Jaguh, yakin mampu meningkatkan pengeluaran sehingga 15,000 unit setahun berikutan jumlah tempahan yang amat menggalakkan selepas motosikal itu dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 19 Julai lalu.

Permintaan terhadap motosikal empat lejang pertama negara adalah di luar dugaan menyebabkan pengeluaran pertama sebanyak 1,800 unit yang dihantar ke wakil jualan seluruh negara tidak mencukupi.

Pengurus Jualan Emos, Abdul Samat Abdul Kareem, berkata setakat ini tempahan yang diterima daripada wakil jualan seluruh negara meningkat 2kepada 7,000, berbanding jangkaan awal 1,500 unit saja.

Katanya, berdasarkan jumlah tempahan terkini, semua tempahan itu dijangka dipenuhi dalam tempoh tiga bulan dan berharap pembeli bersabar kerana kapasiti pengeluaran kini dibuat secara berperingkat, iaitu 1,500 unit pada Ogos ini, 1,500 (September) dan 2,000 (Oktober).

"Kami berterima kasih kepada semua pembeli kerana membuat pilihan yang tepat memandangkan Jaguh adalah motosikal empat lejang pertama negara yang setanding dengan motosikal keluaran lain dalam kelasnya.

"Berdasarkan permintaan yang menggalakkan, kita sedang berusaha mempertingkatkan pengeluaran sekurang-kurangnya 20 peratus daripada jangkaan asal dan berharap pembeli dapat bersabar menunggu motosikal masing-masing," katanya dalam sidang akhbar di Kota Bharu, semalam.

Konvoi kakitangan Emos bersama sembilan unit Jaguh tiba di Stadium Sultan Mohd Ke IV, Kota Bharu kelmarin sebagai sebahagian daripada promosi kepada orang ramai.

Emos menawarkan harga promosi RM6,998 (termasuk cukai jalan, nombor plat dan bayaran pendaftaran) kepada semua pembeli yang membuat tempahan sehingga akhir Julai dan selepas tempoh itu Jaguh akan dijual pada harga RM7,500 seunit.

Abdul Samat berkata, tumpuan Jaguh sekitar 12,000 unit setahun tetapi membuat penilaian untuk menambah pengeluaran sehingga 15,000 buah selepas menerima tempahan menggalakkan, khususnya Kuala Lumpur (2,500 buah), Johor (2,000 buah) dan Pulau Pinang (1,000 buah).

"Enam wakil penjual yang dilantik di Kelantan turut menerima tempahan yang agak memberangsangkan iaitu kira-kira 400 unit. Adalah dijangka angka itu mampu mencecah sehingga 2,000 unit sebelum hujung tahun ini.

"Selain reka bentuk yang gah, Jaguh yang mempunyai kuasa 175 cc senang dikendalikan kerana penunggangnya cuma memerlukan lesen B2. Tanda-tanda pemulihan ekonomi negara turut menjadi faktor penggalak dalam meningkatkan jualanannya," katanya.

Menurut beliau, Emos dijangka menubuhkan kelab Jaguh yang akan menganjurkan pelbagai kegiatan, termasuk ekspedisi menggembara ke setiap negeri sebagai sebahagian daripada matlamat syarikat itu untuk mendedahkan penunggang motosikal berhubung aspek keselamatan ketika di jalan raya.

Katanya, program itu secara tidak langsung menggalakkan pertumbuhan industri pelancongan dalam negeri.

(END)